



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

GARIS PANDUAN PROGRAM FAST-TRACK UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2020 [PINDAAN 2021]



UMS KAMPUS RAHMAH
TERAS KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN

Transformation towards
**UNIVERSITY
INDUSTRY 4.0**

DINAMIK - LESTARI - INTEGRITI - KEADILAN - KEGEMBIRAAN

KANDUNGAN**MUKASURAT**

Pengenalan	1
SEKSYEN 1 : Panduan Permohonan Program Fast Track	2-6
SEKSYEN 2 : Panduan Penyediaan Laporan Fast Track (Fast Track Report, FTR)	7-8
SEKSYEN 3 : Panduan Penyediaan Laporan Penilaian Pemeriksa (Examiner Evaluation Report, EER).....	9-10
SEKSYEN 4 : Panduan Penyediaan Laporan Mesyuarat Pembentangan Fast Track (Fast Track Presentation Meeting Report, PMR)	11-12
Senarai Singkatan	13
Lampiran A : Carta Alir Proses Pengesahan Calon Phd (Fast Fack)	14
Lampiran B : Carta Alir Pengajian PhD (Fast Track)	15

GARIS PANDUAN PROGRAM *FAST-TRACK* UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2020 [PINDAAN 2021]

PENGENALAN

Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS), Universiti Malaysia Sabah kini menawarkan program *Fast-Track*. Tarikan utama program ini ialah, mana-mana calon yang mempunyai kelayakan minimum seperti yang telah ditetapkan, boleh memohon untuk mengesahkan pendaftaran dalam Program Doktor Falsafah (PhD). Adalah penting untuk memberikan panduan kepada calon-calon yang memohon untuk mengesahkan program pengajian Doktor Falsafah agar mencapai kelayakan minimum sebelum dibenarkan meneruskan pengajian. Justeru, buku panduan ini diterbitkan untuk memberikan maklumat dan panduan kepada pelajar, penyelia, pemeriksa dan ahli jawatankuasa yang dilantik berkenaan dengan syarat, keperluan umum dan khas sebelum pelajar boleh meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam masa yang ditetapkan.

Buku panduan ini mengandungi empat (4) seksyen, iaitu:

1. Panduan Permohonan Program *Fast Track*
2. Panduan Penyediaan Laporan *Fast Track* (*Fast Track Report, FTR*)
3. Panduan Penyediaan Laporan Penilaian Pemeriksa (*Examiner Evaluation Report, EER*)
4. Panduan Penyediaan Laporan Pembentangan *Fast Track* (*Presentation Meeting Report, PMR*)

Seksyen 1 dan 2 lebih kepada keperluan pelajar untuk memohon kelulusan dan pengesahan pelajar Doktor Falsafah. Manakala Seksyen 3 merupakan panduan kepada pemeriksa dan Seksyen 4 merupakan panduan untuk ahli jawatankuasa penilai yang telah dilantik oleh Dekan/Pengarah setiap F/P/A/I bagi tujuan penyediaan laporan pembentangan.

SEKSYEN 1

PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM *FAST TRACK*

1. Keperluan Kemasukan

1.1 Calon Tempatan & Antarabangsa

1.1.1 Umum

UMS boleh mengambil graduan cemerlang Sarjana Muda Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) untuk kemasukan terus ke program Kedoktoran Tahap 8 MQF dengan syarat-syarat berikut:

- (a) Calon memperolehi kelayakan Sarjana Muda kelas pertama atau setara dari universiti awam tempatan dan antarabangsa yang diiktiraf oleh MQA; atau
- (b) Memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.67 atau setara dengannya daripada program akademik atau program *Technical and Vocational Education Training (TVET)*
- (c) Menjalani penilaian dalaman seperti yang terkandung dalam perenggan 2

1.2 Calon Antarabangsa Syarat Umum Tambahan

1.2.1 Syarat Bahasa Inggeris

- (a) Calon antarabangsa dari negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar hendaklah mendapat sekurang-kurangnya:
 - i. Band 5 dalam Ujian Inggeris IELTS (*International English Language Testing System*) atau mendapat skor 500 (bertulis)/42 (atas talian) dalam ujian TOEFL (*Test of English as a Foreign Language*); atau
 - ii. Mengikuti Kursus Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya Band 3 dalam ujian MUET (*Malaysian University English Test*).

- iii. Tempoh Sah laku keputusan yang diperlukan untuk keperluan Bahasa Inggeris ini hendaklah tidak melebihi dua (2) tahun dari tarikh keputusan dikeluarkan.
- (b) Namun syarat (a) tidak terpakai sekiranya
- i. Calon mendapat Ijazah Sarjana Muda dari institusi pengajian tinggi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dengan syarat calon hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada institusi pengajian tinggi masing-masing; atau
 - ii. Calon yang memperolehi ijazah dari mana-mana universiti di Malaysia; atau
 - iii. Program pengajiannya adalah tidak memerlukan penggunaan Bahasa Inggeris.

2. Keperluan Pengesahan Calon Phd (*Candidature*)

2.1 Pelajar perlu mengemukakan permohonan Pengesahan Calon Pelajar PhD (*Candidature*), yang mana pelajar harus melalui sesi pembentangan.

2.1.1 Pelajar dikehendaki menyediakan *Fast Track Report* (FTR) untuk disemak oleh dua (2) pemeriksa yang telah ditetapkan di peringkat F/P/A/I (lebih kurang 30 muka surat).

Fast Track Report (FTR) tersebut mesti mempunyai dua (2) bahagian;

(a) Bahagian A

Melaporkan dapatan dan laporan kemajuan yang telah dicapai dalam tempoh dua (2) semester atau 12 bulan daripada kertas cadangan sebelumnya. Laporan ini seharusnya disertakan dengan bukti yang jelas dan kesinambungan untuk meneruskan kajian dalam peringkat Doktor Falsafah.

(b) Bahagian B

Kertas cadangan lanjutan kajian Doktor Falsafah, yang mana ia perlu dihantar kepada pemeriksa sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pembentangan berlangsung.

2.1.2 Pemeriksa akan diminta untuk menyediakan Laporan Penilaian Pemeriksa (EER). Pemeriksa (dalam masa satu (1) bulan/ atau empat (4) minggu) perlu untuk menilai laporan calon berdasarkan kriteria berikut:

- (a) Pelajar telah berjaya mengetengahkan dapatan awal kajian secara signifikan dalam tempoh masa 2 semester.
- (b) Pelajar mesti menggariskan kepentingan kajian kepada kumpulan sasaran/komuniti/disiplin (mengapa kajian ini penting dan relevan).
- (c) Tinjauan kepustakaan mesti menganalisa kajian sebelumnya dan dengan jelas mengenal pasti jurang pengetahuan yang ada. Disamping itu pelajar seharusnya mampu menunjukkan bagaimana penyelidikan ini dibina berdasarkan dari penemuan awal dan kajian sebelumnya. Akhirnya akan menyumbang kepada pengetahuan baharu ke dalam bidang/kajian.
- (d) Kaedah dan metodologi adalah bersesuaian untuk menjalankan penyelidikan secara komprehensif terhadap tajuk kajian dan selari untuk menangani matlamat dan objektif-objektif penyelidikan.
- (e) Kertas Cadangan (Seksyen B dari FTR) adalah mencukupi untuk dipertimbangkan sebagai pelajar Doktor Falsafah dan berkesinambungan untuk dilanjutkan.

2.1.3 Menduduki dan lulus pembentangan FTR.

- (a) Dekan/Pengarah setiap F/P/A/I akan menjemput semua ahli jawatankuasa yang telah dilantik untuk mengadakan mesyuarat bagi tujuan pembentangan pelajar. Pelajar akan membuat pembentangan.
- (b) Semasa pembentangan, pelajar seharusnya menunjukkan kemahiran dan berupaya menjalankan kajian di peringkat pengajian Doktor Falsafah. Pelajar seharusnya menunjukkan kemampuan menguasai ilmu dalam disiplin yang dikaji.
- (c) Ahli Jawatankuasa pembentangan terdiri daripada;

- i. Dekan /wakil dekan
- ii. Dua (2) orang pemeriksa yang dilantik terdiri daripada Profesor, Prof. Madya atau Pensyarah Kanan (mempunyai kelayakan PhD) yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.
- iii. Penyelaras Pasca peringkat F/P/A/I
- iv. Pegawai Tadbir F/P/A/I sebagai urusetia

2.1.4 Pelajar juga perlu menghasilkan penerbitan:

Sains – 1 artikel berindeks (Scopus/WoS/ERA)

Sastera – 1 artikel berindeks (MyCite/Scopus/WoS/ERA)

2.1.5 Pelajar perlu membentangi di persidangan yang berkaitan dengan bidang.

2.2 Laporan pembentangan FTR perlu dibawa ke Mesyuarat Pascasiswazah peringkat F/P/A/I untuk disokong sebelum dimajukan ke Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah untuk diperakukan.

2.2.1 Laporan *Fast Track* tersebut mesti mencadangkan salah satu daripada keputusan yang dinyatakan di bawah kepada Dekan PPPS:

- (a) Pelajar lulus pembentangan FTR dan dibenarkan meneruskan pengajian dalam Program Doktor Falsafah.
- (b) Pelajar gagal pembentangan FTR dan tidak dibenarkan meneruskan pengajian dalam Program Doktor Falsafah.

2.2.2 Laporan pembentangan *Fast Track* harus disediakan oleh kakitangan akademik dan mempunyai bidang yang relevan (bukan dalam kalangan penyelia/penyelia Bersama/AJK penyeliaan) dan telah dilantik oleh Dekan/Pengarah. Format laporan boleh merujuk format laporan yang disediakan oleh PPPS.

2.3 Laporan akan dibawa ke Mesyuarat Senat untuk pengesahan dan kelulusan.

2.4 Pelajar akan dimaklumkan berkenaan dengan keputusan permohonan *Fast Track* setelah Mesyuarat Senat meluluskan dan mengesahkan.

3. Struktur Program

- 3.1 Pelajar perlu mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa.
- 3.2 Pelajar perlu menduduki dan wajib lulus Kursus Kaedah Penyelidikan yang dikendalikan oleh F/P/A/I masing-masing.
- 3.3 Jenis Ijazah (silang-bidang) bergantung di mana pelajar mendaftar.

4. Tempoh Pengajian

- 4.1 Tempoh Pengajian adalah seperti berikut:

Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum
Sepenuh Masa	2 tahun (4 semester)	4 tahun (8 semester)

- 4.2 Aktiviti pengajian adalah seperti berikut:

4.2.1 Sem 1 - Sem 2

- (a) Perlu mengemukakan laporan *Fast Track (Fast Track Report, FTR)* untuk tujuan pemeriksaan, penilaian dan pembentangan.
- (b) Memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan.

4.2.2 Sem 3 - Sem 8

- (a) Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penulisan.

5. Keperluan Bergraduat

- 5.1 Memenuhi syarat - syarat kelayakan minimum untuk berijazah seperti yang telah dinyatakan dalam Kaedah Pengajian Pascasiswazah 2015 (Pindaan No. 2 Tahun 2021).
- 5.2 **Calon tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana sebagai *exit award*** sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap Doktor Falsafah.

SEKSYEN 2

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN *FAST TRACK*

(*FAST TRACK REPORT, FTR*)

1. Panduan ini disediakan untuk memberikan panduan kepada pelajar dan juga penyelia/penyelia bersama/AJK penyeliaan dalam menyediakan Laporan *Fast Track* (*Fast Track Report, FTR*).
2. Pelajar dikehendaki menyediakan Laporan *Fast Track* (*Fast Track Report, FTR*) untuk disemak oleh dua (2) pemeriksa yang telah ditetapkan di peringkat F/P/A/I.
3. Laporan *Fast Track* (FTR) tersebut mesti mempunyai dua (2) bahagian; Bahagian A dan Bahagian B.

3.1 Bahagian A adalah untuk melaporkan dapatan dan laporan kemajuan telah dicapai dalam tempoh 2 semester atau 12 bulan daripada kertas cadangan yang sebelumnya. Laporan yang dibentangkan dalam bahagian ini mesti menunjukkan kualiti, memberikan justifikasi dan menyokong kesinambungan kajian yang akan dijalankan pada peringkat Doktor Falsafah.

Laporan ini mesti mengikuti format dan garis panduan seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Penyerahan dan Penulisan Tesis/Disertasi Gaya UMS, 2020 (e.g. Pengenalan, Kajian Kepustakaan, Metodologi, Keputusan dan Perbincangan). Carta Gantt harus disertakan.

3.2 Bahagian B merupakan pelan dan perincian kajian akan dilaksanakan seterusnya. Bahagian ini seharusnya memberikan penjelasan bagaimana kajian yang sedang dijalankan dapat dikembangkan sehingga mencapai dan memenuhi kriteria-kriteria kajian Doktor Falsafah. Bahagian ini juga mesti menjadi penanda aras bagaimana kajian yang dijalankan dapat menyumbang kepada ilmu dalam bidang berkenaan. Format kertas adalah seperti berikut:

- (a) Tajuk
- (b) Pernyataan Masalah
- (c) Rasional Kajian
- (d) Objektif Kajian
- (e) Kajian Kepustakaan
- (f) Metodologi
- (g) Jangkaan Dapatan
- (h) Pelan Kajian (tempoh masa dan aktiviti – termasuk Carta Gantt)
- (i) Peruntukan Kajian (sekiranya berkenaan)
- (j) Keperluan khas untuk kajian tersebut.

4. Laporan *Fast Track* ini mesti diserahkan kepada pemeriksa dalam dan pemeriksa luar (diluar F/P/A/I di mana pelajar mendaftar) dalam masa satu (1) bulan sebelum tarikh pembentangan.

SEKSYEN 3

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN PEMERIKSA (*EXAMINER EVALUATION REPORT, EER*)

1. Panduan ini disediakan untuk memberikan panduan kepada pelajar dan juga penyelia/penyelia bersama dalam menyediakan Laporan Penilaian Pemeriksa (*Examiner Evaluation Report, EER*).
2. Pemeriksa-pemeriksa akan diberikan dengan FTR untuk tujuan penilaian satu (1) bulan sebelum tarikh pembentangan.
3. Pemeriksa akan diminta untuk membuat Laporan Penilaian Pemeriksa (EER) setelah selesai membaca laporan FTR mengikut kriteria berikut:
 - 3.1 Pelajar telah berjaya mengetengahkan dapatan awal kajian secara signifikan dalam tempoh masa 2 semester.
 - 3.2 Pelajar mesti menggariskan kepentingan kajian kepada kumpulan sasaran/komuniti/disiplin (mengapa kajian ini penting dan relevan).
 - 3.3 Tinjauan kepustakaan mesti menganalisis kajian sebelumnya dan dengan jelas mengenal pasti jurang pengetahuan yang ada. Di samping itu pelajar seharusnya mampu menunjukkan bagaimana penyelidikan ini dibina berdasarkan dari penemuan awal dan bersandarkan kajian sebelumnya. Akhirnya akan menyumbang kepada pengetahuan baharu ke dalam bidang/kajian.
 - 3.4 Kaedah dan metodologi adalah bersesuaian untuk menjalankan penyelidikan secara komprehensif terhadap tajuk kajian. Calon seharusnya mampu mencapai matlamat dan objektif-objektif penyelidikan.
 - 3.5 Kertas Cadangan Penyelidikan (Seksyen B dari FTR) mesti mencapai tahap minimum dan mencukupi untuk dipertimbangkan sebagai pelajar Doktor Falsafah dan berkesinambungan untuk dilanjutkan.

4. Melalui laporan tersebut, pemeriksa harus mencadangkan kepada jawatankuasa salah satu daripada cadangan berikut:
 - 4.1. Menyokong kelulusan permohonan pelajar *Fast Track*.
 - 4.2. Tidak menyokong kelulusan permohonan pelajar *Fast Track*.
5. Laporan ini akan dihantar kepada Dekan/Pengarah F/P/A/I, dan setelah laporan ini diterima, Dekan akan menjemput semua Ahli Jawatankuasa untuk mengadakan Sesi Pembentangan Pelajar.

SEKSYEN 4

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN MESYUARAT PEMBENTANGAN *FAST TRACK* (*FAST TRACK PRESENTATION MEETING REPORT, PMR*)

1. Setelah pelajar selesai dalam Pembentangan *Fast Track* dan telah mengemukakan Kertas Cadangan Lanjutan Penyelidikan, satu laporan iaitu Laporan Mesyuarat Pembentangan *Fast Track* (*Fast Track Presentation Meeting Report, PMR*) perlu disediakan.
2. Laporan Mesyuarat Pembentangan ini seharusnya mengandungi aspek-aspek berikut:
 - 2.1 Latar belakang penyelidikan yang jelas.
 - 2.2 Pelajar semasa pembentangan seharusnya menunjukkan prestasi yang memuaskan:
 - (a) Tujuan dan objektif/objektif-objektif yang jelas.
 - (b) Mempunyai latar belakang yang kukuh dalam bidang yang dikaji.
 - (c) Berkebolehan dalam mengenalpasti permasalahan kajian.
 - (d) Berkebolehan dalam memilih dan memahami kaedah yang bersesuaian untuk menyelesaikan permasalahan kajian, tujuan, objektif dan juga hipotesis.
 - (e) Berkebolehan dalam menganalisis keputusan.
 - 2.3 Berkemahiran menjalankan penyelidikan dan menguasai metodologi.
 - 2.4 Kesesuaian kesinambungan kajian penyelidikan di Peringkat PhD.
 - 2.5 Permasalahan yang boleh diselesaikan (*anticipated problems*).
 - 2.6 Telah memenuhi kesemua keperluan *Fast Track* seperti yang telah dicatatkan oleh setiap F/P/A/I dan Pusat Pengajian Pascasiswazah.
3. Laporan mesyuarat ini harus disahkan oleh Pengerusi Sesi Pembentangan *Fast Track* dan juga Dekan/ Pengarah F/P/A/I.
4. Laporan Pembentangan *Fast Track* (PMR) ini bersama-sama dengan Laporan Penilaian Pemeriksa (EER) mesti dihantar ke Pusat Pengajian Pascasiswazah


untuk sokongan oleh ahli Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah dan seterusnya diluluskan dan disahkan oleh Senat.

Senarai Singkatan

PPPS	-	Pusat Pengajian Pascasiswazah
FTR	-	<i>Fast Track Report (Laporan Fast Track)</i>
EER	-	<i>Examiner Evaluation Report (Laporan Penilaian Pemeriksa)</i>
PMR	-	<i>Presentation Meeting Report (Laporan Mesyuarat Pembentangan Fast Track)</i>
PhD	-	Doktor Falsafah
F/P/A/I	-	Fakulti / Pusat/ Akademi/Institut


Lampiran A

Carta Alir Proses Pengesahan Calon Doktor Falsafah (*Fast Track*)



Lampiran B


Carta Alir Proses Pengajian Doktor Falsafah (*Fast Track*)




Garis Panduan ini dibuat di bawah kaedah 22.1.1A Kaedah Pengajian Pascasiswazah 2015 (Pindaan Bil. 2 tahun 2021) dan diluluskan oleh Senat Universiti Malaysia Sabah Bil. 5/2021 (kali ke 186) pada 21 Oktober 2021.
Tarikh kuatkuasa garis panduan ini adalah sama seperti tarikh kelulusan Senat berkenaan.

Garis Panduan ini terpakai kepada semua pelajar pascasiswazah/pelajar pascasiswazah ambilan Semester 2 Sesi 2020/2021 dan seterusnya.

**JAWATANKUASA PENGAJIAN PASCASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
www.ums.edu.my/ppps

 088-495064

 pasca@ums.edu.my

 [cpsums](https://www.facebook.com/cpsums)